

MSWG

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

15 September 2017

## FORUM MSWG TENTANG SKIM PENANAMAN GOLDEN PALM

MSWG menerima beberapa aduan mengenai Skim Penanaman Golden Palm (“Skim”) berikutan penanam tidak berpuas hati dengan perkembangan Skim ini. Kami dengan sukacitanya memaklumkan MSWG akan mengadakan forum bagi memudahkan perbincangan isu yang berkaitan Skim ini dan menjemput semua penanam yang terlibat. Forum ini akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 26 September 2017 (Selasa)  
Masa : 10.30 pagi  
Lokasi : Pusat Latihan MSWG  
Minority Shareholder Watchdog Group  
Tingkat 11, Bangunan KWSP  
No. 3, Changkat Raja Chulan  
Off Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

Mereka yang berminat, sila mendaftar di pautan: [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) atau hubungi pejabat kami di tel: 03-2070 9090 atau e-mel: [watchdog@mswg.org.my](mailto:watchdog@mswg.org.my).

---

### PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

#### **PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (“PNHB”)/ TRIplc BERHAD (“TRIplc”)**

PNHB mengumumkan, SC melalui suratnya yang bertarikh 12 September 2017 telah meluluskan permohonan Syarikat untuk cadangan pengambilalihan oleh PNHB keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar dalam TRIplc daripada Pimpinan Ehsan Berhad dengan pertimbangan tunai berjumlah RM210 juta (“Cadangan Perolehan”) di bawah Seksyen 214 (1) Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal 2007 dan di bawah keperluan ekuiti bagi syarikat tersenarai awam.

[Sumber: Pengumuman PNHB di laman web Bursa Malaysia pada 13 September 2017]

#### **KOMEN MSWG:**

Kami berpendapat para pemegang saham PNHB akan memanfaatkan Cadangan Pengambilalihan dalam jangka panjang berdasarkan analisis kami ke atas maklumat berkaitan Cadangan Pengambilalihan yang didedahkan oleh PNHB pada 16 Disember 2016 iaitu harga tawaran sebanyak

RM210 juta yang dibuat oleh PNHB adalah selepas didiskaunkan kepada nilai aset bersih TRIplc yang boleh direalisasikan bernilai RM360 juta.

### **SKIM PENANAMAN GOLDEN PALM (“GPGS”)**

Menurut maklumat yang dikeluarkan di laman web GPGS, syarikat pengurusan GPGS menjadualkan mesyuarat pelabur pada 2 Oktober 2017 untuk menentukan masa depan skim penanaman kelapa sawit itu. Seperti yang dinyatakan dalam notis mesyuarat, pihak pengurusan sedang mendapatkan kelulusan daripada penanam untuk dua (2) resolusi berikut:

- (i) Pihak pengurusan meminta tempoh 12 bulan untuk mendapatkan realisasi optimum daripada ladang (Resolusi 1)
- (ii) Penjualan segera untuk ladang yang boleh mendatangkan masalah serta harga jualan yang rendah (Resolusi 2)

[Sumber: Pengumuman GPGS di laman webnya]

### **KOMEN MSWG:**

Kami melihat satu lagi skim faedah yang tidak menepati hasil pendapatan fasa keduanya sebanyak 9% walaupun purata harga minyak sawit mentah (CPO) pada tahun 2017 melebihi RM1,500 setiap tan metrik. Kami percaya promoter skim ini mungkin gagal mengambil kira peningkatan kos operasi ladang kelapa sawit yang menjejaskan kedudukan kewangannya, seterusnya menyebabkan skim tersebut gagal membayar hasil pendapatan. Kami sedang berusaha menghubungi pengawalatur, syarikat pengurusan dan pelabur untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan mengenai pelbagai isu yang berkaitan skim ini.

---

### **TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 18 - 22 SEPTEMBER 2017**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Lokasi</b>
19.09.17 (Selasa) 10.00 pagi	Eastern & Oriental Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, KL
20.09.17 (Rabu) 10.30 pagi	Brem Holdings Bhd (AGM)	Hotel Crystal Crown, Off Jalan Utara, PJ
21.09.17 (Khamis) 09.30 pagi	NTPM Holdings Bhd (AGM)	Bukit Jawi Golf Resort, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

<b>Perkara penting untuk diajukan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk Diajukan</b>
Eastern & Oriental Bhd (AGM)	Analisis dan Perbincangan Pengurusan menyatakan apabila selesai pembangunan hartanah Andaman 18 East dan Andorra STP serta Princes House di UK, kos unit yang tidak terjual dipindahkan daripada kos pembangunan hartanah kepada inventori. Dalam Nota 23 di muka surat 211 Laporan Tahunan kami juga mendapati Hartanah Siap meningkat daripada RM210.6 juta kepada RM430.4 juta.  (1) Bolehkah Lembaga berikan maklumat terkini mengenai penjualan hartanah siap?

Perkara penting untuk diajukan:	
	(2) Apakah cadangan pelancaran untuk TK2018?
Brem Holdings Bhd (AGM)	<p>Segmen pembangunan hartanah, pelaburan dan pegangan pelaburan telah mengaplikasikan strategi pemasaran yang agresif bagi meningkatkan jualan serta meningkatkan kadar penghunian ruang runcit dan pejabatnya untuk TK2018.</p> <p>(1) Bolehkah Lembaga Pengarah jelaskan strategi pemasarannya serta berapa banyak penambahbaikan yang dijangka dalam jualan hartanahnya serta kadar penghunian untuk TK2018?</p> <p>(2) Keputusan syarikat bersekutu dan usaha sama masing-masing merekodkan kerugian berjumlah RM1.7 juta (2016: RM1.64 juta) dan RM72,297 (2016: Tiada) untuk TK2017. Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga untuk menambah baik prestasi ini?</p>
NTPM Holdings Bhd (AGM)	<p>(1) Kami mendapati kadar penggunaan kapasiti pembuatan semasa Kumpulan sedang menghampiri 80%. Kumpulan merancang untuk meningkatkan kapasiti pembuatannya dengan menambah mesin kertas tisu baharu di kilangnya di Malaysia dan Vietnam untuk memenuhi jangkaan permintaan yang semakin meningkat.</p> <p>Apakah sasaran kadar penggunaan kapasiti optimum yang ingin dicapai pada TK2018?</p> <p>(2) Merujuk Nota 8 dalam Laporan Tahunan 2017, kami mendapati hutang lapuk berjumlah RM419,981 dihapuskan pada TK2017 berbanding RM121,390 pada TK2016.</p> <p>Sila jelaskan tentang peningkatan 245% dalam hutang lapuk yang dihapuskan dan apakah dasar Syarikat mengenai hapus kira hutang lapuk?</p>

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat [elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my)

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

### PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi TRIpIc Berhad, Golden Palm Grower Scheme.*

---

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*